



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Empat lelaki miliki 13 burung serindit ditahan

**PEKAN** - Empat lelaki ditahan selepas didapati membawa 13 burung serindit dalam kereta pada sekatan jalan dilakukan di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Maran 2, Maran dekat sini petang kelmarin.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Pahang, Datuk Abdul Aziz Salleh berkata, lelaki berusia 18 hingga 42 tahun berasal dari Kuantan dan Terengganu itu disyaki memperoleh dan memiliki burung serindit daripada spesies dilindungi tanpa lesen yang sah.

Menurutnya, kesemua burung serindit berkenaan dan kereta Perodua Myvi digunakan suspek dirampas untuk siasatan.

“Suspek yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 60(1)(a)

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010,” katanya pada sidang akhbar berhubung Operasi Bersepadu Sempena Musim Perayaan Krismas dan Tahun Baru 2020 di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan di sini semalam.

Abdul Aziz berkata, empat suspek terbabit antara 165 individu ditahan di negeri itu atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi bersepadu sempena perayaan Krismas dan Tahun Baru 2020 bermula 18 Disember lalu.

“Daripada jumlah tangkapan itu, 92 individu ditahan atas kesalahan jenayah, 65 individu melibatkan kes dadah, lima atas kesalahan imigresen dan empat lain-lain kesalahan.

“Tangkapan dilakukan hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas 8,475 individu,” katanya.



Abdul Aziz (tengah) menunjukkan laporan statistik kes tangkapan sepanjang operasi bersepadu pada sidang akhbar di IPD Pekan semalam.